

Timur Tengah: PM yakin OIC hasilkan pendirian konkrit

Um - 22/4/2004, m/s: 1, 4

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 21 April — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menghasilkan satu pendirian yang konkrit berhubung masalah di Palestin dan Iraq pada Mesyuarat Khas Mengenai Timur Tengah di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) esok.

Perdana Menteri juga berharap mesyuarat tergepar esok

akan menjadikan surat yang beliau hantar kepada lima anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Rabu minggu lepas sebagai asas pendirian itu kelak.

Beliau menegaskan selaku Pengerusi OIC dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), pandangan-pandangan yang diketengahkan olehnya bukan sahaja mewakili pendirian Malaysia bahkan dua organisasi tersebut.

Sehingga kini, katanya, seba-

nyak 10 negara anggota OIC telah mengesahkan kehadiran mereka pada mesyuarat tergepar itu yang dipanggil khusus bagi membincangkan keadaan yang semakin meruncing di Palestin dan Iraq.

Antara negara terbabit ialah Qatar, Iran, Maghribi, Pakistan, Senegal, Turki, Indonesia dan Palestin.

“Jika dalam mesyuarat esok, pandangan-pandangan saya dalam surat (kepada lima anggota tetap Majlis Keselamatan PBB) itu disah dan diiktiraf

sebagai pandangan yang wajar diketengahkan dan disampaikan kepada pihak yang berkenaan, maka itu adalah juga dianggap satu tindakan yang berhasil dan baik,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya dari Vietnam, Phan Van Khai yang disusuli mesyuarat delegasi dan majlis menan-